

Perbandingan Gaya Pengajaran Guru Bahasa Melayu
dan Guru Bahasa Inggeris
(*The Comparative Study of Malay and English
Language Teachers Teaching Style*)

ZAMRI MAHAMOD
NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF
JULIAWATI IBRAHIM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat profil perbandingan gaya pengajaran guru bahasa di daerah Hulu Langat, Selangor. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan terhadap 300 orang guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dipilih berdasarkan lima buah Pusat Kegiatan Guru (PKG). Soal selidik diubah suai daripada Gaya Pengajaran Grasha. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati, guru mengamalkan kelima-lima gaya pengajaran yang dikaji. Terdapat tiga gaya pengajaran yang kerap digunakan oleh guru bahasa, iaitu gaya model personal, gaya fasilitator dan gaya delegator. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi gaya pengajaran guru berdasarkan sesi persekolahan dan opsyen, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan subjek bagi gaya pakar, autoriti formal dan model personal. Analisis ujian-t juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan gaya pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar bagi gaya fasilitator. Kesimpulannya, guru bahasa menggunakan kelima-lima gaya pengajaran yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran murid.

ABSTRACT

The study aimed to explore the comparison of profile of teaching styles of language teachers in the Hulu Langat District, Selangor. This study the used survey method. Three hundred Bahasa Melayu and English teachers from five 'Pusat Kegiatan Guru (PKG)' were chosen as respondents of the study. The instrument used was a set of questionnaire modified by Grasha Teaching Style. The data was analysed using descriptive and inferential statistics to determine profile distributions and teaching style of the teachers. The result showed that teachers used all the five teaching styles in the Grasha Model. The three teaching styles frequently used were the personal model style that facilitator

style and the delegator style. The t-test analysis showed that there were no significant mean differences of teaching styles based on school session and option. However there were significant differences of the teaching styles based on the subjects taught for the expert style, the formal authority style and the personal model style. The t-test analysis also showed that there was a significant mean difference for teaching styles based on teachers experience for the facilitator style. In conclusion, language teachers used all the five teaching styles which have been adapted to the learning styles of their pupils.

PENGENALAN

Pengajaran berkait rapat dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu. Keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana guru berjaya mencapai objektif pengajarannya dalam membantu murid-murid belajar apa yang diajarkan. Justeru, guru merupakan penggerak dan pendorong utama kepada semua proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Kedua-dua peranan tersebut amat penting dalam usaha meningkatkan keinginan murid untuk terus menerokai pengetahuan baru yang kadangkala menjangkau batasan keupayaan murid untuk belajar. Oleh itu, guru harus menggunakan segala kemahiran yang ada untuk menarik minat murid, bukan sahaja untuk meneruskan proses pembelajaran, malah melangkah batasan keupayaan optima mereka untuk belajar.

Selain dapat membantu murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah, guru juga perlu prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa murid (Juliawati 2006; Ruslin et al. 2003). Seorang guru yang baik perlu mengambil berat keperluan anak didiknya seperti mengetahui keupayaan fizikal dan mental murid, mengambil berat tentang kesejahteraan murid, menunjukkan sikap penyayang, mempunyai sifat yakin diri dalam melakukan proses pengajaran serta memahami bahawa proses pengajaran dan pembelajaran harus berlaku dalam konteks dua hala. Oleh itu, cara guru berinteraksi dengan murid dapat menggambarkan kesungguhan guru tersebut dalam membantu murid menerokai pengetahuan-pengetahuan baru dan seterusnya dapat menggambarkan komitmen guru tersebut dalam profesion keguruan (Noriah et al. 1999).

Menurut Tyson (1998), salah satu aspek kepelbagaian murid yang perlu seseorang guru bahasa mengambil kira dalam pengajarannya di bilik darjah ialah gaya pengajaran guru itu sendiri. Gaya pengajaran guru ialah pola kepercayaan, pengetahuan, prestasi dan tingkah lakunya dalam kelas (Grasha 1996). Gregorc (1985) menegaskan bahawa gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru mempunyai kesan yang amat besar dan merupakan faktor terpenting dalam menentukan suasana pembelajaran.

Felder dan Henriques (1995) menyatakan bahawa tingkah laku pengajaran guru yang serasi atau tidak dengan gaya pembelajaran murid boleh menimbulkan kesan positif atau negatif terhadap proses pembelajaran murid amnya dan pembelajaran mata pelajaran bahasa khususnya. Sikap yang positif terhadap bahasa yang dipelajari membawa kepada motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa. Sebaliknya, sikap yang negatif terhadap bahasa yang dipelajari akan membawa motivasi yang rendah terhadap pembelajaran bahasa yang dipelajari. Ciri-ciri guru merupakan salah satu faktor yang penting dalam mempengaruhi motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa (Kamsiah 2000). Guru mempunyai pengaruh yang besar terhadap sikap murid terhadap pembelajaran bahasa dan budaya. Tanpa usaha guru, sikap murid menjadi kurang positif, murid hanya mendapat sedikit atau tidak mendapat faedah langsung dalam pembelajaran tersebut (Bromley 1995).

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Wan Mohd Zahid (1996), sistem pendidikan perlu bersifat dinamik. Maka, reformasi pendidikan terpaksa dilakukan untuk memenuhi kehendak semasa. Lantaran itu, pada tahun 2002, sistem pendidikan di Malaysia telah dirombak berikutan kepentingan serta keperluan kemahiran Bahasa Inggeris dalam arus globalisasi. Oleh sebab itu, pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains telah mula diajar menggunakan perantaraan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa yang baik dalam kalangan murid akan memungkinkan Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju berasaskan pengetahuan sains dan teknologi dapat direalisasikan. Namun demikian, sebanyak mana murid mendapat hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah? Ini kerana, keupayaan semula jadi murid dan kesediaannya untuk belajar tidak sahaja bergantung kepada murid, tetapi juga terletak kepada kesesuaian gaya pengajaran guru (Felder & Henrique 1995).

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar kurikulum sekolah, peranan dan bimbingan guru juga memainkan peranan utama terhadap penguasaan bahasa murid. Proses pengajaran bahasa yang menarik boleh menyebabkan murid berminat untuk belajar dan mengamalkan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian (Abdul Syukor 1999). Suasana pengajaran yang menarik dan pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan ini amat perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu memandangkan murid-murid mempunyai sikap yang tertentu terhadap bahasa tersebut. Menurut Kamaruddin (1994), antara sikap terhadap Bahasa Melayu yang terdapat dalam kalangan murid ialah murid-murid Melayu menganggap Bahasa Melayu mudah. Sikap ini menyebabkan mereka kurang bersungguh-sungguh dalam mempelajari bahasa tersebut. Akibatnya, kemahiran mereka dalam menggunakan bahasa tersebut tidak tinggi seperti yang jelas

terbukti dalam peperiksaan, di mana murid Melayu kebanyakannya hanya berjaya mencapai peringkat lulus dan kepujian sahaja.

Faktor pengajaran guru mempunyai kesan yang besar dan merupakan faktor terpenting dalam menentukan suasana pembelajaran murid. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru untuk mengubah sikap murid ini ke arah yang lebih positif dengan menampilkan gaya pengajaran yang menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa, sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa. Grasha dan Hicks (2000) berpendapat untuk menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, fokus yang diberikan kepada gaya pembelajaran semata-mata tidak memadai. Gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana pengajaran guru penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid ketika mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Kesimpulannya, kepentingan gaya pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak boleh diabaikan kerana gaya pembelajaran murid hanya merupakan sebahagian sahaja daripada proses interaksi guru dan murid. Kajian lain juga menunjukkan keserasian gaya pengajaran dengan gaya pembelajaran juga telah dapat meningkatkan pencapaian akademik, memperbaiki sikap dan tingkah laku murid pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah serta murid-murid dalam pembelajaran bahasa asing (Oxford & Lavine 1991). Apabila gaya pengajaran dan gaya pembelajaran serasi, murid akan bekerja keras untuk belajar di dalam dan luar bilik darjah. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji sejauh mana gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris memberi kesan kepada pencapaian akademik murid dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk (1) Mengenal pasti gaya pengajaran guru yang paling dominan mengikut kategori subjek bahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, (2) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran guru-guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris, (3) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran bahasa guru menengah atas (sesi pagi) dengan guru menengah bawah (sesi petang), (4) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris mengikut opsyen dan bukan opsyen, dan (5) Mengenal pasti perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdasarkan pengalaman.

Secara keseluruhan, sebanyak enam soalan kajian dibina bagi menjawab objektif kajian yang dikemukakan iaitu (1) Apakah gaya pengajaran guru-guru bahasa yang paling dominan mengikut kategori subjek bahasa yang diajar di sekolah?, (2) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru-guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris?, (3) Adakah terdapat perbezaan gaya

pengajaran bahasa guru menengah atas (sesi pagi) dengan guru menengah bawah (sesi petang), (4) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran bahasa guru opsyen dengan bukan opsyen? dan (5) Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran bahasa guru berpengalaman dengan guru belum berpengalaman?


HIPOTESIS KAJIAN

Sebanyak empat hipotesis nol dibina bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dicadangkan, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran bahasa guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menengah atas (sesi pagi) dengan guru bahasa menengah bawah (sesi petang).
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang opsyen dengan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang bukan opsyen.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berpengalaman dengan guru belum berpengalaman.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian adalah berpandukan Model Gaya Pengajaran Grasha (1996). Model Grasha ini juga digunakan pengkaji seperti Noriah et al. (1999), Roslind (2003) dan Ruslin (2008). Menurut Grasha (1996), gaya pengajaran dikategorikan kepada lima kategori utama, iaitu gaya pakar, autoriti formal, model personal, fasilitator dan delegator. Berdasarkan Rajah 1, kerangka konseptual kajian gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terbahagi kepada lima kategori tersebut. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas yang digunakan meliputi gaya pengajaran guru bahasa. Pencapaian akademik murid pula merupakan pemboleh ubah bersandar. Faktor demografi guru Bahasa Melayu dan Inggeris akan dikaji bagi menentukan gaya pengajaran yang digunakan oleh guru bahasa. Kesan dari kepelbagaian gaya pengajaran guru bahasa dijangka dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.



RAJAH 1. Kerangka konseptual kajian diadaptasikan daripada Model Pengajaran Grasha (1996)

KAEDAH KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan ini ialah satu kajian yang berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Oleh itu, aspek demografi guru diambil kira dalam mengenal pasti gaya pengajaran mereka. Antara aspek demografinya ialah subjek bahasa yang diajar, opsyen pengajaran, sesi persekolahan dan pengalaman mengajar. Alat kajian berbentuk soal selidik diedarkan kepada sampel kajian dan kemudiannya dikumpulkan. Setelah itu pemarkatan dan pengekodan akan diberikan.

SAMPEL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan sampel kajian yang terdiri daripada para guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah-sekolah menengah yang terletak di dalam lima buah Pusat kegiatan Guru (PKG) di daerah Hulu Langat, Selangor. Lima buah PKG tersebut ialah PKG Cheras, PKG Semenyih, PKG Bangi, PKG Ampang dan PKG Kajang. Seramai 300 orang sampel kajian telah dipilih daripada 1126 orang guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah di daerah Hulu Langat (Data Pejabat Pendidikan Daerah, Jun 2006).

Berdasarkan jumlah 300 orang sampel yang dipilih, seramai 150 orang merupakan guru Bahasa Melayu dan 150 orang lagi ialah guru Bahasa Inggeris. Saiz sampel yang dipilih ini berpadanan dengan saiz populasi kajian menurut pengiraan Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah guru bahasa bagi setiap PKG ialah seramai 60 orang, iaitu 30 orang guru Bahasa Inggeris dan 30 orang guru Bahasa Melayu. Berdasarkan kategori guru bahasa tersebut 15 orang guru akan dipilih dari sesi pagi dan 15

JADUAL 1. Jumlah guru bahasa di sekolah-sekolah menengah mengikut PKG di daerah Hulu Langat

| Pusat Kegiatan Guru | Guru Bahasa Inggeris | Guru Bahasa Melayu |
|---------------------|----------------------|--------------------|
| PKG Cheras | 143 | 184 |
| PKG Semenyih | 64 | 81 |
| PKG Bangi | 89 | 124 |
| PKG Ampang | 95 | 128 |
| PKG Kajang | 92 | 126 |
| Jumlah | 483 | 643 |

Sumber: Data Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Jun 2006

orang lagi akan dipilih daripada sesi petang. Pemilihan sampel ini dijalankan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Menurut Wiersma (2000), kaedah persampelan bertujuan boleh digunakan apabila tujuan kajian adalah fokus kepada kumpulan tertentu.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan satu set soal selidik. Setiap set soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian maklumat diri sampel kajian/guru seperti berkaitan dengan subjek bahasa yang diajar, opsyen pengajaran, sesi persekolahan dan pengalaman mengajar.

Bahagian B pula adalah bertujuan untuk mengenal pasti gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebanyak 40 item ditanya dalam bentuk pernyataan positif tentang gaya pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. Item-item pada bahagian ini diukur menggunakan skala Likert 5 mata yang diubah suai daripada Inventori Gaya Pengajaran Gasha (2006) yang telah digunakan dalam kajian Noriah et al. (1999), Roslind (2003) dan Ruslin (2008). Jadual 2 menunjukkan kedudukan dan jumlah item mengenai lima gaya pengajaran guru yang terdapat dalam alat kajian.

JADUAL 2. Kedudukan dan jumlah item dalam Gaya Pengajaran Grasha (1996)

| Gaya Pengajaran | Kedudukan Item | Kedudukan Item |
|----------------------|----------------|----------------|
| Gaya Pakar | 1 – 8 | 8 |
| Gaya Autoriti Formal | 9 – 16 | 8 |
| Gaya Model Personal | 17 – 24 | 8 |
| Gaya Fasilitator | 25 – 32 | 8 |
| Gaya Delegator | 32 – 40 | 8 |
| Jumlah | 1 – 40 | 40 |

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT UKURAN

Alias (1997) menjelaskan bahawa kesahan merujuk kepada sejauh manakah sesuatu alat kajian benar-benar dapat mengukur apa yang hendak diukur. Menurut Mohd Majid (2004), kebolehpercayaan adalah ketekalan sesuatu alat ukur dalam mengukur pemboleh ubah di mana tidak ada batasan khusus yang boleh digunakan lagi menentukan pekali yang paling sesuai bagi sesuatu alat ukur. Walaupun begitu, nilai indeks kebolehpercayaan item yang baik mestilah melebihi nilai Alpha 0.60. Menurut Wiersma (2000) pula, sebaik-baik item kajian perlu mempunyai kebolehpercayaan yang menghampiri nilai $r = 1.0$.

JADUAL 3. Nilai kebolehpercayaan soal selidik hasil kajian rintis

| Gaya Pengajaran | Alpha (α) | Keterangan |
|----------------------|--------------------|------------|
| Gaya Pakar | 0.62 | Sederhana |
| Gaya Autoriti Formal | 0.81 | Tinggi |
| Gaya Model Personal | 0.80 | Tinggi |
| Gaya Fasilitator | 0.82 | Tinggi |
| Gaya Delegator | 0.59 | Sederhana |

Berdasarkan kajian rintis, kesahan item dan kebolehpercayaan instrumen kajian dalam data kajian rintis ini telah dianalisis dengan menggunakan formula Alpha Cronbach untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan r . Jadual 3 mendapati skor-skor Alpha Cronbach kesemua aspek dalam gaya pengajaran adalah tinggi. Oleh itu, alat ukuran ini telah memenuhi piawai dan tekal serta alat ukuran ini dapat digunakan untuk mengukur gaya pengajaran bahasa dan kesannya terhadap pencapaian akademik murid.

TATACARA PENGANALISISAN DATA

Data mentah yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Program SPSS (*Statistical Package For Social Science version 11.5*). Dua jenis statistik digunakan, iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif frekuensi, peratusan, sisihan piawai dan min digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Sementara itu statistik inferensi ujian-t digunakan dalam soal selidik. Kajian ini telah menggunakan ukuran Skala Likert 5 mata bagi pernyataan atau item yang disoalkan, iaitu skala 1 – sangat tidak setuju, skala 2 – tidak setuju, skala 3 – kurang setuju, skala 4 – setuju, dan skala 5 – sangat setuju. Bagi mendapatkan gaya pengajaran guru yang paling dominan digunakan oleh guru bahasa, nilai min digunakan sebagai ukuran. Nilai skor min bagi kelima-lima gaya dalam Model Grasha (1996) akan dibandingkan. Nilai skor min yang lebih tinggi akan menunjukkan gaya pengajaran yang lebih dominan. Nilai skor min berdasarkan skor min yang dicadangkan oleh Millar (1997), iaitu min 1.0-2.5 tahap rendah, min

2.6-2.99 tahap sederhana dan min 4.0-5.0 tahap tinggi. Statistik inferensi iaitu ujian-t dengan aras kesignifikanan 0.05 digunakan untuk menguji hipotesis.

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI SAMPEL GURU KAJIAN

Sampel kajian ini terdiri daripada 300 orang guru bahasa berdasarkan lima buah Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang terdapat di daerah Hulu Langat. Mereka yang terlibat terdiri daripada guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Maklumat demografi sampel kajian diperoleh mengikut format yang terdapat dalam borang soal selidik Bahagian A. Taburan sampel kajian mengikut subjek yang diajar, sesi persekolahan, opsyen, pengalaman mengajar dan lokasi PKG.

Berdasarkan Jadual 4, secara keseluruhan sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 50 peratus guru Bahasa Melayu dan 50 peratus guru Bahasa Inggeris. Berdasarkan jumlah sampel kajian, 81 peratus merupakan guru opsyen, manakala selebihnya 19 peratus merupakan guru bukan opsyen. Nisbah bilangan sampel kajian mengikut sesi persekolahan adalah seimbang iaitu sesi pagi 50 peratus dan sesi petang 50 peratus. Nisbah bilangan guru mengikut pengalaman mengajar pula, 48.3 peratus guru yang mempunyai pengalaman 1-10

JADUAL 4. Taburan peratusan dan kekerapan latar belakang sampel guru kajian

| Pernyataan | Kekerapan | Peratusan |
|----------------------------|-----------|-----------|
| Subjek Bahasa | | |
| • Bahasa Melayu | 150 | 50.0 |
| • Bahasa Inggeris | 150 | 50.0 |
| Opsyen: | | |
| • Opsyen | 243 | 81.0 |
| • Bukan opsyen | 57 | 19.0 |
| Sesi Persekolahan | | |
| • Sesi pagi | 150 | 50.0 |
| • Sesi petang | 150 | 50.0 |
| Pengalaman Mengajar | | |
| • 1-10 tahun | 145 | 48.3 |
| • 11 tahun ke atas | 155 | 51.7 |
| Lokasi Pusat Kegiatan Guru | | |
| • PKG Cheras | 60 | 20.0 |
| • PKG Semenyih | 60 | 20.0 |
| • PKG Bangi | 60 | 20.0 |
| • PKG Ampang | 60 | 20.0 |
| • PKG Kajang | 60 | 20.0 |
| Jumlah | 300 | 100.0 |

tahun dan 51.7 peratus mempunyai pengalaman mengajar lebih 11 tahun ke atas. Bilangan sampel kajian mengikut lokasi PKG pula adalah seimbang, iaitu 20 peratus bagi setiap lokasi PKG. Ini bermakna setiap lokasi PKG jumlah sampel kajian seramai 60 orang.

GAYA PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS

Soalan 1: Apakah gaya pengajaran guru bahasa yang paling dominan mengikut kategori subjek bahasa? Hasil analisis data dalam Jadual 5 didapati bahawa semua gaya pengajaran digunakan oleh guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, gaya yang paling dominan digunakan oleh guru Bahasa Melayu ialah gaya model personal (38.7%), diikuti gaya autoriti formal (23.3%), gaya pakar dan delegator (13.3%) serta paling kurang digunakan ialah gaya fasilitator (11.4%). Gaya pengajaran guru Bahasa Inggeris yang paling dominan juga merupakan gaya model personal (28.6%), diikuti gaya pakar (24.7%), gaya fasilitator (20.7%), gaya delegator (14.0%) dan paling kurang digunakan ialah gaya autoriti formal (12.0%). Ini bererti wujud perbezaan gaya pengajaran guru bahasa yang dominan mengikut kategori subjek bahasa.

JADUAL 5. Gaya pengajaran bahasa yang paling dominan mengikut subjek bahasa

| Subjek / Gaya Pengajaran | Subjek Bahasa | | Jumlah |
|-----------------------------|---------------|-----------------|---------------|
| | Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | |
| Gaya Pakar | 20 (13.3%) | 37 (24.7%) | 57 (19.0 %) |
| Gaya Autoriti Formal | 35 (23.3%) | 18 (12.0%) | 53 (17.7 %) |
| Gaya Model Personal | 58 (38.7%) | 43 (28.6%) | 101 (33.6 %) |
| Gaya Fasilitator | 17 (11.4%) | 31 (20.7%) | 48 (16.0 %) |
| Gaya Delegator | 20 (13.3%) | 21 (14.0%) | 41 (13.7 %) |
| Jumlah | 150 (100.0 %) | 150 (100.0 %) | 300 (100.0 %) |

PENGUJIAN HIPOTESIS

Hipotesis 1 menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. Hipotesis pertama adalah untuk menjawab soalan kajian kedua, iaitu *Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran guru-guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris?*

Berdasarkan Jadual 5, skor min gaya pengajaran pakar guru Bahasa Melayu ialah 4.01. Skor min gaya pengajaran pakar guru Bahasa Inggeris pula ialah 3.92 dengan nilai-t = 2.125 ($p = 0.034$). Nilai $p = 0.034$ adalah lebih kecil daripada 0.05

($p < 0.05$). Ini bererti wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran pakar antara guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris. Bagi gaya pengajaran autoriti formal pula, skor min gaya pengajaran autoriti formal guru Bahasa Melayu ialah 4.10. Skor min gaya pengajaran autoriti formal guru Bahasa Inggeris pula ialah 3.92 dengan nilai $t = 3.401$ ($p = 0.001$). Nilai $p = 0.001$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini bererti wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran autoriti formal antara guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris.

Seterusnya gaya model personal di mana skor min gaya pengajaran model personal bagi guru Bahasa Melayu ialah 4.30. Skor min gaya pengajaran model personal guru Bahasa Inggeris pula ialah 4.11 dengan nilai $t = 2.865$ ($p = 0.004$). Nilai $p = 0.004$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini bererti wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran model personal antara guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris. Bagi gaya pengajaran fasilitator, skor min gaya pengajaran fasilitator bagi guru Bahasa Melayu ialah 4.13. Skor min gaya pengajaran fasilitator guru Bahasa Inggeris pula ialah 4.06 dengan nilai $t = 0.975$ ($p = 0.330$). Nilai $p = 0.330$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran fasilitator antara guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris.

Akhir sekali ialah gaya pengajaran delegator di mana skor min gaya pengajaran delegator bagi guru Bahasa Melayu ialah 4.10. Skor min gaya pengajaran delegator guru Bahasa Inggeris pula ialah 4.03 dengan nilai $t = 0.775$ ($p = 0.439$). Nilai $p = 0.439$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran delegator antara guru Bahasa Melayu dengan guru Bahasa Inggeris. Rumusan daripada Jadual 5 ialah (1) Hipotesis pertama **ditolak**, iaitu terdapat perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris bagi gaya pengajaran pakar, autoriti formal dan model personal, serta (2) Tidak wujud perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris bagi gaya pengajaran fasilitator dan delegator.

Hipotesis 2 menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru bahasa menengah atas (sesi pagi) dengan guru bahasa menengah bawah (sesi petang). Hipotesis kedua adalah untuk menjawab soalan kajian ketiga, iaitu *Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran bahasa guru menengah atas (sesi pagi) dengan guru menengah bawah (sesi petang)*.

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian-t gaya pengajaran mengikut sesi persekolahan. Berdasarkan Jadual 6 tersebut, skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa sesi pagi ialah 3.96. Skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa sesi petang juga ialah 3.96 dengan nilai- $t = 0.056$ ($p = 0.96$). Nilai $p = 0.96$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran pakar guru sesi pagi dengan guru sesi petang. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran pakar guru bahasa antara sesi persekolahan pagi dengan sesi persekolahan petang adalah sama.

JADUAL 6. Keputusan ujian-t gaya pengajaran mengikut subjek bahasa

| Gaya Pengajaran Guru | Subjek Bahasa | N | Min | Sisihan Piawai | dk | t | Sig. | Beza Min |
|----------------------|---------------|-----|------|----------------|-----|--------|-------|----------|
| Gaya Pakar | Melayu | 150 | 4.01 | 0.41 | 298 | 2.125* | 0.034 | 0.09 |
| | Inggeris | 150 | 3.92 | 0.35 | | | | |
| Gaya Autoriti Formal | Melayu | 150 | 4.10 | 0.53 | 298 | 3.401* | 0.001 | 0.18 |
| | Inggeris | 150 | 3.92 | 0.40 | | | | |
| Gaya Model Personal | Melayu | 150 | 4.30 | 0.61 | 298 | 2.865* | 0.004 | 0.19 |
| | Inggeris | 150 | 4.11 | 0.55 | | | | |
| Gaya Fasilitator | Melayu | 150 | 4.13 | 0.77 | 298 | 0.975 | 0.330 | 0.07 |
| | Inggeris | 150 | 4.06 | 0.40 | | | | |
| Gaya Delegator | Melayu | 150 | 4.10 | 0.88 | 298 | 0.775 | 0.439 | 0.07 |
| | Inggeris | 150 | 4.03 | 0.65 | | | | |

* $p < 0.05$

Seterusnya, skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa sesi pagi ialah 3.99. Skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa sesi petang pula ialah 4.03 dengan nilai- $t = -0.726$ ($p = 0.47$). Nilai $p = 0.47$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran autoriti formal guru sesi pagi dengan guru sesi petang. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa antara sesi persekolahan pagi dengan sesi persekolahan petang adalah sama.

Skor min gaya pengajaran model personal bagi guru bahasa sesi pagi pula ialah 4.20. Sama dengan skor min gaya pengajaran model personal guru bahasa sesi petang iaitu 4.20 dengan nilai- $t = 0.037$ ($p = 0.97$). Nilai $p = 0.97$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran model personal guru sesi pagi dengan guru sesi petang. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran model personal guru bahasa antara sesi persekolahan pagi dengan sesi persekolahan petang adalah sama.

Seterusnya ialah gaya pengajaran fasilitator di mana skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa sesi pagi ialah 4.12. Skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa sesi petang pula ialah 4.05 dengan nilai- $t = 1.069$ ($p = 0.29$). Nilai $p = 0.29$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran fasilitator guru sesi pagi dengan guru sesi petang. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran fasilitator guru bahasa antara sesi persekolahan pagi dengan sesi persekolahan petang adalah sama.

Akhir sekali ialah gaya pengajaran delegator di mana skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa sesi pagi pula ialah 4.09. Skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa sesi petang ialah 4.03 dengan nilai- $t = 0.742$ ($p = 0.46$). Nilai $p = 0.46$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran delegator guru sesi pagi

dengan guru sesi petang. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran delegator guru bahasa antara sesi persekolahan pagi dengan sesi persekolahan petang adalah sama. Rumusan daripada Jadual 6 ialah (1) Hipotesis kedua **diterima**, iaitu tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan sesi persekolahan bagi gaya pengajaran pakar, autoriti formal, model personal, fasilitator dan delegator serta (2) Gaya pengajaran guru bahasa sesi pagi dan sesi petang adalah sama.

Hipotesis 3 pula menyatakan *tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran guru bahasa opsyen dengan guru bahasa bukan opsyen*. Hipotesis ketiga digunakan untuk menjawab soalan kajian keempat, iaitu *Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran bahasa guru opsyen dengan bukan opsyen?*

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian-t gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan opsyen dan bukan opsyen. Berdasarkan jadual tersebut skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa opsyen ialah 3.95. Skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa bukan opsyen ialah 3.99 dengan nilai-t = -0.758 ($p = 0.45$). Nilai $p = 0.45$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran pakar antara guru bahasa opsyen dengan guru bahasa bukan opsyen. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran pakar guru bahasa opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

JADUAL 7. Keputusan ujian-t gaya pengajaran guru bahasa mengikut sesi persekolahan

| Gaya Pengajaran Guru | Sesi | N | Min | Sisihan Piawai | dk | t | Sig. | Beza Min |
|----------------------|--------|-----|------|----------------|-----|-------|------|----------|
| Gaya Pakar | Pagi | 150 | 3.96 | 0.42 | 298 | 0.56 | 0.96 | 0.00 |
| | Petang | 150 | 3.96 | 0.35 | | | | |
| Gaya Autoriti Formal | Pagi | 150 | 3.99 | 0.52 | 298 | -0.73 | 0.47 | -0.04 |
| | Petang | 150 | 4.03 | 0.43 | | | | |
| Gaya Model Personal | Pagi | 150 | 4.20 | 0.51 | 298 | 0.04 | 0.97 | 0.00 |
| | Petang | 150 | 4.20 | 0.66 | | | | |
| Gaya Fasilitator | Pagi | 150 | 4.13 | 0.45 | 298 | 1.07 | 0.29 | 0.08 |
| | Petang | 150 | 4.05 | 0.74 | | | | |
| Gaya Delegator | Pagi | 150 | 4.08 | 0.70 | 298 | 0.47 | 0.64 | 0.02 |
| | Petang | 150 | 4.06 | 0.84 | | | | |

* $p > 0.05$

Seterusnya, skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa opsyen ialah 3.99. Skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa bukan opsyen pula ialah 4.09 dengan nilai-t = -1.462 ($p = 0.15$). Nilai $p = 0.15$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya

pengajaran autoriti formal guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

Skor min gaya pengajaran model personal bagi guru bahasa opsyen pula ialah 4.20. Skor min gaya pengajaran model personal guru bahasa bukan opsyen ialah 4.21 dengan nilai- $t = -0.089$ ($p = 0.93$). Nilai $p = 0.93$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran model personal guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran model personal guru bahasa opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

Bagi gaya pengajaran fasilitator, skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa opsyen ialah 4.10. Skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa bukan opsyen pula ialah 4.04 dengan nilai- $t = 0.695$ ($p = 0.49$). Nilai $p = 0.49$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran fasilitator guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran fasilitator guru bahasa opsyen dengan bukan opsyen adalah sama.

Akhir sekali, bagi gaya pengajaran delegator, skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa opsyen pula ialah 4.06. Skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa bukan opsyen ialah 4.07 dengan nilai- $t = -0.096$ ($p = 0.92$). Nilai $p = 0.92$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran delegator guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Dengan lain perkataan, gaya pengajaran delegator guru bahasa opsyen dengan bukan opsyen adalah sama. Rumusan yang dapat dibuat daripada Jadual 7 ialah (1) Hipotesis ketiga diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan gaya pengajaran pakar, autoriti formal, model personal, fasilitator dan delegator serta (2) Gaya pengajaran guru bahasa opsyen dan bukan opsyen adalah sama.

Hipotesis 4 menyatakan *tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pengajaran bahasa guru berdasarkan pengalaman*. Hipotesis keempat adalah untuk menjawab soalan kajian kelima, iaitu *Adakah terdapat perbezaan gaya pengajaran bahasa guru berpengalaman dengan guru belum berpengalaman?*

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian- t gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan pengalaman. Berdasarkan Jadual 8, skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun ialah 3.94. Skor min gaya pengajaran pakar guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun ialah 3.99 dengan nilai- $t = -1.160$ ($p = 0.25$). Nilai $p = 0.25$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran pakar antara guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran pakar guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun dengan lebih 10 tahun adalah sama.

JADUAL 8. Keputusan ujian-t gaya pengajaran mengikut opsyen dan bukan opsyen

| Gaya Pengajaran Guru | Opsyen | N | Min | Sisihan Piawai | dk | t | Sig. | Beza Min |
|----------------------|--------------|-----|------|----------------|-----|--------|------|----------|
| Gaya Pakar | Opsyen | 243 | 3.95 | 0.41 | 298 | -0.758 | 0.45 | -0.04 |
| | Bukan Opsyen | 57 | 3.99 | 0.28 | | | | |
| Gaya Autoriti Formal | Opsyen | 243 | 3.99 | 0.47 | 298 | -1.462 | 0.15 | -0.10 |
| | Bukan Opsyen | 57 | 4.09 | 0.49 | | | | |
| Gaya Model Personal | Opsyen | 243 | 4.20 | 0.61 | 298 | -0.089 | 0.93 | -0.01 |
| | Bukan Opsyen | 57 | 4.21 | 0.48 | | | | |
| Gaya Fasilitator | Opsyen | 243 | 4.10 | 0.65 | 298 | 0.695 | 0.49 | 0.06 |
| | Bukan Opsyen | 57 | 4.04 | 0.45 | | | | |
| Gaya Delegator | Opsyen | 243 | 4.06 | 0.79 | 298 | -0.096 | 0.73 | -0.01 |
| | Bukan Opsyen | 57 | 4.07 | 0.71 | | | | |

* $p > 0.05$

Bagi skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun ialah 4.01, sama dengan skor min gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun iaitu 4.01 dengan nilai- $t = -0.018$ ($p = 0.96$). Nilai $p = 0.96$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran autoriti formal guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran autoriti formal guru bahasa guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama.

Skor min gaya pengajaran model personal bagi guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun pula ialah 4.13. Skor min gaya pengajaran model personal guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun ialah 4.21 dengan nilai- $t = -1.650$ ($p = 0.10$). Nilai $p = 0.10$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran model personal guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran model personal guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama.

Seterusnya ialah gaya pengajaran fasilitator di mana skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun ialah 3.98. Skor min gaya pengajaran fasilitator guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun pula ialah 4.13 dengan nilai- $t = -2.708$ ($p = 0.01$). Nilai $p = 0.01$ adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini bererti wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran fasilitator guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran fasilitator guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun adalah berbeza.

JADUAL 9. Keputusan ujian-t gaya pengajaran bahasa mengikut pengalaman guru

| Gaya Pengajaran Guru | Pengalaman | N | Min | Sisihan Piawai | dk | t | Sig. | Beza Min |
|----------------------|--------------|-----|------|----------------|-----|---------|------|----------|
| Gaya Pakar | Bawah 10 thn | 145 | 3.94 | 0.41 | 298 | -1.160 | 0.25 | -0.05 |
| | Lebih 10 thn | 155 | 3.99 | 0.36 | | | | |
| Gaya Autoriti Formal | Bawah 10 thn | 145 | 4.01 | 0.52 | 298 | -0.018 | 0.99 | -0.00 |
| | Lebih 10 thn | 155 | 4.01 | 0.43 | | | | |
| Gaya Model Personal | Bawah 10 thn | 145 | 4.13 | 0.50 | 298 | -1.650 | 0.10 | -0.08 |
| | Lebih 10 thn | 155 | 4.21 | 0.42 | | | | |
| Gaya Fasilitator | Bawah 10 thn | 145 | 3.98 | 0.47 | 298 | -2.708* | 0.01 | -0.15 |
| | Lebih 10 thn | 155 | 4.13 | 0.45 | | | | |
| Gaya Delegator | Bawah 10 thn | 145 | 3.90 | 0.43 | 298 | -1.916 | 0.06 | -0.10 |
| | Lebih 10 thn | 155 | 4.00 | 0.43 | | | | |

* $p < 0.05$

Akhir sekali gaya pengajaran delegator di mana skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun ialah 3.90. Skor min gaya pengajaran delegator guru bahasa berpengalaman lebih 10 tahun pula ialah 4.00 dengan nilai-t = -1.916 ($p = 0.06$). Nilai $p = 0.06$ adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang signifikan gaya pengajaran delegator guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun. Dengan perkataan lain, gaya pengajaran delegator guru bahasa guru berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun adalah sama. Rumusan daripada Jadual 8 menunjukkan bahawa (1) Hipotesis keempat diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru bahasa berdasarkan gaya pengajaran pakar, autoriti formal, model personal dan delegator serta (2) Sebaliknya wujud perbezaan gaya pengajaran guru bahasa berpengalaman bawah 10 tahun dengan guru berpengalaman lebih 10 tahun bagi gaya pengajaran fasilitator.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ketika mengajar. Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan hasil analisis statistik deskriptif dan inferensi.

PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU
DAN INGGERIS SECARA KESELURUHAN

Secara keseluruhan, guru-guru didapati mengamalkan kelima-lima gaya pengajaran dalam Model Grasha (1996). Namun begitu, kombinasi atau gabungan gaya pengajaran guru yang kerap digunakan dalam kajian ini ialah gaya pengajaran model personal, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator. Didapati gabungan gaya-gaya pengajaran ini tidak terdapat dalam empat kelompok yang telah dikenal pasti oleh Grasha (1994) dalam kajiannya. Empat kelompok gaya pengajaran yang dikenal pasti oleh Grasha (1994) terdiri daripada kelompok 1 (gaya pakar / model personal), kelompok 2 (gaya pakar / model personal / autoriti formal), kelompok 3 (gaya pakar / fasilitator / model personal) dan kelompok 4 (gaya pakar / fasilitator / delegator). Perbezaan kombinasi gaya pengajaran yang didapati dalam kajian ini dengan kelompok gaya pengajaran Grasha (1994) berkemungkinan ada kaitan dengan pendapat Grasha (1996) yang menyatakan pola gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu seperti tujuan pembelajaran, bentuk kursus, saiz kelas, jenis mata pelajaran, tahap pengajian, tempoh masa pembelajaran, norma-norma institusi pembelajaran dan disiplin akademik.

Dapatan kajian ini bukanlah sesuatu yang baru kerana melalui kajian VanSchoyk dan Grasha (1981) serta Grasha (1994) mendapati terdapatnya pola pergabungan gaya pengajaran dalam kalangan guru-guru. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa seseorang guru akan menggunakan lebih daripada satu gaya pengajaran yang boleh digabungkan menjadi satu kelompok. Guru-guru juga cenderung menggabungkan beberapa gaya pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa gabungan gaya-gaya pengajaran tertentu boleh menjadi lebih dominan berbanding gabungan lain-lain pengajaran. Gabungan yang lebih dominan ini dikenali sebagai kelompok primer sementara gabungan yang kurang dominan dikenali sebagai kelompok sekunder. Gaya yang lebih dominan dalam gabungan gaya pengajaran ini akan menjadi latar utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian ini membuktikan kepentingan mempelbagaikan gaya pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Menurut Felder dan Henriques (1995), kajian-kajian membuktikan bahawa murid belajar melalui pelbagai cara. Sesetengahnya belajar melalui penglihatan dan pendengaran. Ada antaranya belajar melalui maklum balas dan tindakan. Sementara yang lainnya pula belajar menggunakan pemikiran dan gerak hati. Terdapat juga murid yang memberi tumpuan kepada ingatan dan gambaran. Oleh itu gaya dan kaedah pengajaran guru bahasa juga perlu pelbagai bagi memastikan kesannya terhadap pencapaian akademik murid. Justeru, sebanyak mana murid mendapat hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tidak bergantung kepada keupayaan semula jadi murid dan kesediaan semata-mata, tetapi juga bergantung kepada gaya dan kesesuaian ciri-ciri pendekatan guru dalam pengajaran.

Pendapat ini telah dipersetujui oleh Grasha dan Hicks (2000) yang telah menyatakan sesungguhnya untuk menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, fokus yang diberikan kepada gaya pembelajaran murid semata-mata tidak memadai. Sebaliknya gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana gaya pengajaran juga penting bagi menjamin keberkesanan pencapaian akademik murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang serasi dengan gaya pembelajaran murid secara signifikan dapat memperbaiki pembelajaran, sikap, tingkah laku dan motivasi murid (lihat Felder & Henriques 1995; Tudor 1996; Hyland 1993; Hersey et al. 1992).

Kesimpulannya, kesan penyesuaian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting terhadap pencapaian akademik murid. Penyesuaian murid dengan guru dan bahan pengajaran berdasarkan gaya kognitif dapat membantu murid mencapai kemahiran dan mendapat motivasi yang berterusan. Kajian beliau ini penting kepada guru kerana pembelajaran tidak akan berlaku sekiranya murid tidak berminat dengan gaya pengajaran yang guru gunakan.

PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU DAN INGGERIS BERDASARKAN MODEL GAYA PENGAJARAN GRASHA

Melalui analisis dapatan kajian, guru-guru bahasa didapati menggunakan kelima-lima gaya pengajaran seperti mana yang terdapat dalam Model Grasha, iaitu gaya pakar, gaya autoriti formal, gaya model personal, gaya fasilitator dan gaya delegator dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bagaimanapun, terdapat gaya pengajaran dan pembelajaran yang lebih dominan berbanding dengan gaya pengajaran yang lain. Mengikut urutan, gaya pengajaran yang paling dominan adalah gaya model personal, gaya fasilitator, gaya delegator, gaya autoriti formal dan paling kurang dominan ialah gaya pengajaran pakar.

Gaya Model Personal

Dapatan kajian ini mendapati gaya model personal merupakan gaya pengajaran yang paling dominan digunakan oleh guru bahasa. Min guru bahasa gaya model personal ialah 4.20. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian Grasha (1994) yang menunjukkan bahawa secara keseluruhannya gaya pengajaran model personal telah digunakan secara dominan oleh semua tenaga pengajar bagi semua peringkat pendidikan akademik sama ada profesor, profesor madya dan juga guru (tutor). Gaya ini juga didapati telah digunakan secara dominan dalam pengajaran kursus-kursus di semua peringkat pengajian berbanding dengan lain-lain gaya.

Kajian Roslind (2003) yang melihat pola gaya pengajaran guru juga mendapati bahawa gaya model personal juga telah muncul sebagai gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Ini diikuti gaya fasilitator,

gaya autoriti formal, gaya delegator dan gaya yang paling rendah skor minnya ialah gaya pakar. Selain itu, kajian Vicky (2005) yang melihat hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan mendapati gaya pengajaran guru Matematik Tambahan yang paling dominan ialah gaya model personal, diikuti gaya pakar dan gaya autoriti formal. Gaya pengajaran model personal paling kerap atau popular mungkin disebabkan kelebihan gaya ini yang antara lain ialah mempercayai bahawa pengajaran haruslah dilakukan menggunakan contoh-contoh peribadi. Penggunaan contoh-contoh peribadi ini mungkin menjadikan hubungan antara guru dengan murid menjadi lebih mesra. Guru jenis ini juga akan membentuk satu model cara bertingkah laku dan berfikir. Mereka akan mengawasi, membimbing dan memberi arahan dengan menunjukkan cara-cara melakukan kerja dan menggalakkan murid untuk membuat pemerhatian dan kemudiannya mencontohi pendekatan yang telah digunakan atau ditunjukkan oleh guru.

Gaya Fasilitator

Dapatan kajian ini juga mendapati, gaya fasilitator merupakan gaya pengajaran yang kedua kerap digunakan oleh guru-guru bahasa. Min guru bahasa gaya fasilitator ialah 4.09. Gaya fasilitator kerap digunakan oleh guru-guru bahasa kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa perlu wujud interaksi dua hala yang merupakan ciri gaya pengajaran fasilitator. Ini termasuklah memandu murid dengan penyoalan, mengawas, membimbing dan memberi arahan melalui soalan-soalan, mempelbagaikan pilihan dan membantu mereka membuat keputusan yang betul. Tujuan utama guru-guru gaya fasilitator adalah bagi membangunkan keupayaan murid untuk berdikari, berinisiatif dan bertanggungjawab. Guru bahasa gaya fasilitator suka belajar bersama-sama murid dan bertindak sebagai penasihat serta memberi sokongan dan galakan. Sokongan dan galakan guru ini akan memotivasikan murid untuk terus meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini selari dengan kajian Roslind (2003) yang mendapati gaya fasilitator merupakan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu yang kerap digunakan selepas gaya pengajaran model personal. Bagaimanapun, hasil dapatan ini juga tidak selari dengan dapatan kajian Vicky (2005) yang mendapati bahawa gaya fasilitator merupakan gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru Matematik Tambahan. Dapatan kajian ini berbeza mungkin disebabkan perbezaan mata pelajaran yang dikaji oleh beliau. Selain itu, banyak faktor yang menyebabkan gaya fasilitator tidak popular dalam kalangan guru-guru Matematik Tambahan. Antaranya kelemahan gaya fasilitator yang banyak memakan masa dan mungkin lambat mencapai objektif pelajaran sedangkan guru-guru sering kesuntukan masa menghabiskan sukatan pelajaran. Ini ditambah pula dengan masalah murid terutamanya murid-murid yang agak 'lambat' dalam memahami konsep-konsep rumit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

Gaya Delegator

Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati, gaya delegator merupakan gaya pengajaran yang ketiga kerap digunakan oleh guru-guru bahasa. Min guru bahasa gaya delegator ialah 4.06. Kelebihan guru bahasa gaya delegator ialah memberi perhatian kepada membentuk murid untuk berfungsi secara autonomi. Murid-murid digalakkan menjalankan tugas secara bersendirian ataupun menjadi sebahagian daripada autonomi di dalam kumpulan. Kehadiran guru hanya sebagai sumber rujukan yang akan memberi bantuan atau bimbingan atas permintaan. Kelebihan gaya ini ialah dapat membantu murid menjadi seorang murid yang berdikari dan berkeyakinan diri. Gaya ini amat sesuai digunakan oleh guru bahasa terutamanya semasa proses pengajaran bahasa iaitu penulisan. Contohnya, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberi tajuk-tajuk penulisan yang berbeza. Kemudian mereka diminta membentangkan hasil perbincangan mengenai tajuk-tajuk yang diberikan. Gaya ini sesuai digunakan dalam konteks kajian ini mungkin kerana tahap pencapaian akademik murid terutamanya penguasaan bahasa sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris adalah baik.

Bagaimanapun, gaya delegator ini kurang sesuai digunakan oleh guru bahasa sekiranya tahap kesediaan murid untuk menjalankan tugas secara bersendirian adalah rendah. Seandainya gaya ini digunakan berterusan ia akan mematkan semangat murid disebabkan oleh rasa bimbang kepada kegagalan yang berpanjangan. Kajian oleh Roslind (2003) mendapati gaya pengajaran delegator merupakan gaya pengajaran kedua paling kurang digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu di Sarawak. Keadaan ini berlaku kerana 92.3 peratus sampel kajian yang terdiri daripada 260 orang murid tingkatan dua dan tingkatan lima menggunakan bahasa pertuturan di rumah selain daripada Bahasa Melayu. Oleh itu, seandainya gaya pengajaran ini diamalkan dalam konteks kajian beliau berkemungkinan akan membantut pencapaian akademik murid.

Gaya Autoriti Formal

Dapatan kajian ini menunjukkan gaya autoriti formal merupakan gaya pengajaran kedua paling kurang diamalkan oleh guru bahasa. Min gaya pengajaran autoriti formal ialah 4.01. Gaya pengajaran ini kurang digemari oleh guru bahasa kerana berfokus kepada tahap dan garis panduan yang piawai. Selain itu, gaya ini juga membataskan pemikiran kritis dan kreatif murid kerana guru menganggap caranya adalah yang terbaik. Gaya ini juga sekiranya diamalkan berlebihan akan membawa kepada pengurusan yang terlalu tegar (rigid) dan kurang luwes. Menurut Noriah et al. (1999), guru gaya ini selalu dikongkong oleh peraturan dan perundangan yang menekan kreativiti. Apabila guru tidak kreatif dalam pengajaran, murid akan bosan dan kurang minat terhadap ilmu yang disampaikan. Akhirnya murid akan ponteng kelas atau sekolah. Sekiranya keadaan ini berterusan akan membantut pencapaian akademik murid.

Namun begitu, dapatan kajian ini berbeza dengan Vicky (2005) yang mendapati gaya autoriti formal merupakan gaya pengajaran ketiga digunakan oleh guru Matematik Tambahan selepas gaya model personal dan gaya pakar. Gaya ini sesuai digunakan dalam pengajaran Matematik Tambahan kerana penyelesaian masalahnya memerlukan garis panduan yang piawai. Berbeza dengan gaya pengajaran bahasa, garis panduan yang piawai hanya digunakan dalam penulisan yang memerlukan format sahaja, manakala lain-lain penulisan memerlukan gaya penulisan yang kritis dan kreatif.

Gaya Pakar

Dalam kajian ini, penyelidik mendapati gaya pakar merupakan gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru bahasa. Min gaya pengajaran pakar ialah 3.96. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah tahap penguasaan akademik murid, kedudukan kelas murid, tahap penguasaan bahasa murid dan sebagainya. Ini dibuktikan melalui ulasan atau catatan sampel kajian pada soal selidik kajian yang menyatakan mereka tidak dapat mengamalkan gaya tersebut kerana mengajar di kelas-kelas yang sederhana dan lemah. Seandainya gaya pakar ini diamalkan secara keterlaluan, terutamanya kepada murid-murid yang lemah kadangkala akan menyebabkan murid merasa terancam dan akhirnya tidak berminat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Ini seterusnya menyebabkan ketidakberkesanan terhadap pencapaian akademik murid.

Dapatan kajian ini disokong oleh Roslind (2003) yang turut mendapati bahawa gaya pengajaran pakar sebagai gaya yang paling kurang digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Ini kerana, dalam kajian beliau kebanyakan sampel kajian adalah terdiri daripada murid bukan Melayu yang belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah. Oleh itu, gaya pakar merupakan gaya yang kurang sesuai digunakan kepada murid-murid yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan mempunyai penguasaan bahasa yang sederhana dan lemah.

Bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Ruslin (2008) yang mengkaji gaya pengajaran yang paling dominan dalam kalangan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dapatan kajian ini menyatakan gaya pengajaran pakar merupakan gaya pengajaran yang paling dominan diikuti gaya model personal dan gaya fasilitator. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh perbezaan sampel kajian (pensyarah dan guru), tahap akademik dan gaya berfikir (pensyarah dan guru) serta perbezaan para pelajar/murid (pelajar universiti dan murid sekolah) dari sudut personal pelajar/murid dan grad pencapaian.

PERBANDINGAN GAYA PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU
DAN INGGERIS BERDASARKAN FAKTOR DEMOGRAFI

Perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Inggeris berdasarkan faktor demografi ini dilihat dari segi subjek, sesi persekolahan, opsyen dan pengalaman mengajar.

Dari segi faktor subjek dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris berdasarkan gaya pengajaran pakar, autoriti formal dan model personal. Melalui dapatan kajian ini didapati guru Bahasa Melayu lebih menggunakan gaya pakar, autoriti formal dan model personal berbanding guru bahasa Inggeris. Bagaimanapun tidak terdapat perbezaan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dari aspek gaya fasilitator dan delegator. Ini bermakna gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dari aspek gaya fasilitator dan delegator adalah sama.

Perbezaan penggunaan gaya pakar, autoriti formal dan model personal dalam kalangan guru Bahasa Melayu berbanding guru Bahasa Inggeris adalah disebabkan banyak faktor. Guru Bahasa Melayu lebih menggunakan gaya pakar memandangkan murid-murid dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Ini berlaku kerana kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah yang majoriti murid-muridnya adalah Melayu dan bahasa pertuturan mereka juga adalah Bahasa Melayu. Apabila penguasaan Bahasa Melayu baik, maka guru-guru dapat menerapkan penggunaan gaya autoriti formal dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini berbeza dengan guru Bahasa Inggeris, penggunaan gaya pengajaran pakar hanya dapat digunakan sekiranya murid-murid berjaya menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Sekiranya Bahasa Inggeris murid-murid kurang baik, penggunaan gaya autoriti formal juga adalah kurang berkesan jika dilaksanakan.

Selain itu, guru Bahasa Melayu juga didapati lebih menggunakan gaya model personal berbanding guru Bahasa Inggeris. Pengkaji berpendapat, keadaan ini berlaku kerana wujud komunikasi yang bebas antara murid dan guru. Ini kerana, murid-murid menguasai bahasa dengan baik dan contoh-contoh peribadi yang digunakan oleh guru gaya model personal ini menyebabkan hubungan antara murid dengan guru menjadi lebih mesra. Apabila wujud pertautan antara guru dan murid maka proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Sebaliknya, guru Bahasa Inggeris kurang menggunakan gaya pengajaran model personal berbanding guru Bahasa Melayu kerana wujud jurang komunikasi antara murid dan guru. Ini berlaku kerana murid lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

Dari segi faktor sesi persekolahan hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak wujud perbezaan gaya pengajaran bahasa mengikut sesi persekolahan. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Cross dan Billingsley (1994) yang telah mendapati bahawa guru akan merasa lebih puas mengajar apabila mereka diberi pilihan untuk memilih gaya pengajaran bergantung

kepada persekitaran pengajaran-pembelajaran. Apabila ini berlaku, guru-guru akan cuba menjalankan tugas mereka sebaik mungkin. Keadaan ini berlaku disebabkan guru-guru yang mengajar terdiri daripada campuran guru-guru berpengalaman dan juga guru yang kurang pengalaman di satu-satu sesi persekolahan. Ini menyebabkan tidak wujud perbezaan gaya pengajaran mengikut sesi persekolahan. Selain itu, berdasarkan soal selidik kajian, kesemua guru-guru dalam kajian ini merupakan guru-guru yang telah dilatih dalam bidang perguruan sama ada di maktab-maktab perguruan ataupun di universiti-universiti sebelum ditempatkan ke sekolah-sekolah mengikut opsyen masing-masing.

Dari segi faktor opsyen, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor opsyen tidak signifikan terhadap perbezaan gaya pengajaran. Dapatan kajian ini tidak selari dengan Zahorik (1990), di mana beliau mendapati bahawa gaya pengajaran guru dipengaruhi oleh ideologi dan kepercayaan terhadap murid dan ilmu pengetahuan. Beliau menambah, gaya guru juga sering dikaitkan dengan pandangan dominan tentang guru efektif yang mempunyai teknik-teknik repetoir yang luas serta mahir menggunakan teknik-teknik tersebut untuk memenuhi keperluan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Keadaan ini berlaku kerana guru sebenarnya merupakan agen perubahan dalam sistem pendidikan formal. Amalan gaya pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak dipengaruhi oleh sikap dan tanggungjawab guru untuk menyesuaikan gaya pengajarannya dengan gaya pembelajaran murid, bukan berdasarkan pada ciri demografi mereka seperti opsyen, pengalaman dan sebagainya. Justeru, guru sebagai tonggak utama dalam proses pendidikan di sekolah memikul amanah untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita mulia ini. Guru seharusnya faham kaedah serta proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat meningkatkan perkembangan mental dan daya berfikir seseorang murid dengan mempelbagai gaya pengajaran mereka. Oleh itu, tidak wujud perbezaan gaya pengajaran antara guru opsyen atau bukan opsyen.

Dari segi faktor pengalaman dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor pengalaman juga tidak signifikan terhadap perbezaan semua gaya pengajaran kecuali gaya fasilitator. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan gaya pengajaran fasilitator antara guru yang mempunyai pengalaman bawah 10 tahun dengan guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun. Didapati guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun lebih menggunakan gaya fasilitator berbanding guru yang mempunyai pengalaman kurang daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan antara gaya pengajaran pakar, autoriti formal, model personal dan delegator bagi guru-guru yang mempunyai pengalaman bawah 10 tahun dengan guru-guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun.

Dapatan ini menyangkal dapatan kajian Grasha (1996) yang menunjukkan bahawa gaya pengajaran ini dipengaruhi oleh jangka tempoh (pengalaman) profesion guru-guru. Guru yang baru menceburkan diri dalam profesion perguruan lebih menggunakan gaya autoriti formal dan model personal. Guru-guru yang

telah mempunyai pengalaman mengajar lebih suka menggunakan gaya fasilitator, pakar dan gaya delegator. Selain itu, dapatan kajian ini juga tidak selari dengan Chapman et al. (2001), Eagly dan Johnson (1990) serta Eagly dan Karau (1991) yang menyatakan jantina, pengalaman dan perubahan masa memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya seseorang guru. Chapman et al. (2001) yang menjalankan kajian melalui kaedah longitudinal mendapati bahawa guru-guru baru lebih tertumpu kepada gaya tradisional (berpusatkan murid) tetapi gaya pengajaran tersebut berubah secara beransur-ansur kepada gaya progresif pada tahun-tahun kajian kemudiannya. Kajian juga mendapati bahawa faktor jantina dan pengalaman mempengaruhi corak perubahan gaya pengajaran dalam kajian tersebut.

KESIMPULAN

Kajian tentang gaya pengajaran guru bahasa dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar dapat membantu guru memperbaiki mutu pengajaran guru, manakala murid-murid pula dapat mempelajari bahasa dengan baik. Kesimpulan yang dapat dibuat dalam kajian ini ialah (1) Guru-guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mempunyai gaya pengajaran pelbagai, yang mereka sesuaikan dengan situasi pengajaran dan pembelajaran, (2) Masalah gaya pengajaran guru di sekolah menengah merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, (3) Membawa kesedaran bahawa guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris perlu memainkan peranan lebih bersungguh-sungguh dalam menyemai kecemerlangan akademik murid, (4) Kepelbagaian gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan pencetus atau penggerak kepada keberkesanan pencapaian akademik murid ketika mempelajari bahasa, (5) Gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris perlu serasi dengan budaya berfikir yang dapat menimbulkan semangat belajar dalam kalangan murid, dan (5) Segala usaha dan galakan daripada guru kepada pembelajaran murid harus disokong sepenuhnya daripada semua pihak.

RUJUKAN

- Abdul Syukor Abdullah. 1999. Bahasa Melayu: Cabaran dan wawasan dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Dewan Bahasa* 43(6): 482-488.
- Alias Baba. 1999. *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bromley, C.M. 1995. Positive attitudes and realistic beliefs: Links to proficiency. *Modern Language Journal* 79(3): 372-385.
- Chapman, J.A., Hughes, P. & Williamson, J. 2001. Teachers' perception of classroom competencies over a decade of change. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 29(2): 171-184.

- Felder, R.M. & Henriques, E.R. 1995. Learning and teaching styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals* 28(1): 21-31.
- Grasha, A.F. 1994. A Matters of style: The teacher as a expert, formal authority, personal model, facilitator and delegator. *College Teaching* 48(1): 21-31.
- Grasha, A.F. 1996. *Teaching with styles: A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Grasha, A.F. & Hicks, N.Y. 2000. Intergrating teaching styles and learning styles with instructional technology. *College Teaching* 48(1): 2-15.
- Gregorc, C. 1986. *An adult's guide to style*. Maryland: Gabriel Systems Inc.
- Juliawati Ibrahim. 2006. Gaya pengajaran guru bahasa daerah Hulu Langat: Satu kajian tinjauan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamsiah Abdullah. 2000. *Sikap, penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Millar, L.R. 1997. Personality assessment of early visually impaired person using the CPI and the MMPI. *Journal of Visual Impairment and Blindness* 76: 172-178.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noriah Mohd. Ishak, Nor Sakinah Mohamad, Muhammad Hussin, Amla Mohd. Salleh & Nor Kefli Md.Sulong. 1999. Gaya Pertautan, gaya pengajaran dan komitmen terhadap profession perguruan dalam kalangan guru pelatih UKM. *Laporan Akhir Projek G/4/99*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Oxford, R.L., Ehrman, M.E. & Lavine, R. 1991. Style wars: Teacher-student styles conflicts in the language classroom. In. Felder, R.M. & Henriques, E.R. 1996. Learning and teaching styles in foreign and second language education. *Foreign Language Annals* 28(1): 21-31.
- Pendidikan Daerah Hulu Langat. 2006. Data guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di sekolah menengah. Jun.
- Roslind Anak Mawing. 2003. Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ruslin Amir, Zalizan Mohd. Jelas, Manisah Mohd Ali & Norzaini Azman. 2003. Stail berfikir, stail pengajaran dan stail pembelajaran pensyarah dan pelajar UKM: Satu kajian kes. *Laporan Akhir Penyelidikan GG/009*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ruslin Amir. 2008. Stail berfikir, stail pengajaran pensyarah dan stail pembelajaran pelajar. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sternberg J. R. 1997. *Thinking styles*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tyson, L.L. 1998. Teaching styles as evidenced in early elementary student teachers' behavior and reflection. Ed.D. University of Kentucky. *UMI No. 9922642*.
- Vicky, T.A.L. 2005. Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Mohd. Zahid. 1996. Dasar pendidikan kebangsaan: Ke arah pemantapan dan pelaksanaan dasar pendidikan negara selaras dengan tuntutan Wawasan 2020. *Prosiding Pendidikan Negara Abad ke-21*, hlm. 10-23. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Zahorik, J.A. 1990. Stability and flexibility in teaching. *Teacher and Teaching Education*, 6(1): 69-80.
-

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Zamri Mahamod
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan